

Fungsi Dan Signifikan Penciptaan Parang Ilang Dalam Budaya Masyarakat Iban Di Sarawak

The Function and Significance of the Creation of Ilang Machete in the Culture of the Iban Community in Sarawak

Adilawati Asri^{1*} & Noria Tugang²

^{1,2} Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Jalan Datuk Mohammad Musa, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia;

Article progress

Received: 24 July 2024

Accepted: 3 September 2024

Published: 30 November 2024

*Corresponding author:

Adilawati Asri, Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Jalan Datuk Mohammad Musa, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia;
Email: adila25784@gmail.com;

Abstrak: Parang *Ilang* merupakan sejenis senjata tradisional yang memainkan peranan penting dalam kebudayaan material masyarakat Iban. Kajian ini dilakukan berdasarkan sejarah mengenai fungsi dan signifikan penciptaan parang *Ilang* dalam budaya masyarakat Iban. Ia dikaji melalui peradaban masyarakat Iban dan kebudayaan yang menjadi mercu tanda keagungan dan kegemilangan dalam menzahirkan ketamadunan mereka di Sarawak. Parang *Ilang* yang disimpan dan dimiliki oleh masyarakat Iban mempunyai nilai yang sangat signifikan sehingga diklasifikasikan sebagai warisan dan pusaka mereka. Walau bagaimanapun, pelbagai faktor telah mengubah corak kebudayaan masyarakat Iban semasa era kolonialisme. Tambahan pula, pembangunan moden serta arus globalisasi yang melanda kehidupan masyarakat Iban memperlihatkan ketidakupayaan untuk memahami fungsi dan signifikan penciptaan parang *Ilang* terdahulu dalam budaya mereka. Kajian ini meneliti signifikan penciptaan parang *Ilang* terdahulu dalam konteks budaya Iban. Parang *Ilang* bukan sahaja digunakan sebagai alat pertahanan dan perburuan, malah sebagai simbol status sosial dan keberanian. Ia sering dijadikan sebagai simbol kekuatan oleh pahlawan sebagai tanda keperwiraan dan semangat juang. Selain itu, parang *Ilang* juga digunakan dalam upacara dan ritual adat Iban. Melalui analisis sejarah, budaya, dan sosial, kajian ini berusaha mendalami fungsi dan signifikan penciptaan parang *Ilang* dalam mengekalkan identiti dan warisan budaya masyarakat Iban. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk etnografi yang didasari oleh kerja lapangan melalui kaedah pemerhatian dan temu bual dengan informan yang pakar dalam adat dan budaya Iban. Hasil kajian mendapati bahawa penciptaan parang *Ilang* memainkan peranan yang sangat signifikan dalam mengukuhkan identiti budaya masyarakat Iban, serta dalam menghubungkan generasi muda dengan warisan nenek moyang mereka.

Kata kunci: Fungsi, signifikan, Parang Ilang, budaya, komuniti Iban, Sarawak;

Abstract: *Ilang* machete is a type of traditional weapon that plays an important role in Iban material culture. This study is based on the history of *Ilang* machete which is about its function and significance in Iban culture.

It is based on the civilization of the Iban community and the culture that is a landmark of majesty and glory in revealing their civilization in Sarawak. *Ilang* machete that is kept and owned by the Iban community has a very significant value so much so that it is classified as their heritage and heirloom. However, various factors have changed the cultural pattern of the Iban community during the era of colonialization. Furthermore, modern development as well as globalization currents that hit the lives of the Iban community show the inability to understand the function and significance of the creation of *Ilang* machete in their culture. This study examines the function and significance of the creation of *Ilang* machete in the context of Iban culture. *Ilang* machete is not only used as a defense and hunting tool, but also as a symbol of social status and bravery. It is often used as a symbol of strength by warriors as a sign of bravery and fighting spirit. In addition, *Ilang* machete is also used in traditional Iban ceremonies and rituals. Through historical, cultural, and social analysis, this study seeks to deepen the function and significance of the creation of *Ilang* machete in maintaining the identity and cultural heritage of the Iban community. This study uses a qualitative approach in the form of ethnography based on field work through the method of observation and interviewing informants who are experts in Iban customs and culture. The results of the study found that *Ilang* machete plays a very significant role in strengthening the cultural identity of the Iban community, as well as in connecting the younger generation with the heritage of their ancestors.

Keywords: Function, significance, *Ilang* machete, culture, Iban community, Sarawak;

Pengenalan

Menurut Asri (2024), mencipta adalah merupakan suatu naluri semula jadi masyarakat Iban yang terlahir daripada sumber pengamatan, pemerhatian, beradaptasi dan berinteraksi dengan kawasan lingkungan dan persekitaran mereka. Perkembangan penciptaan parang *Ilang* yang berlaku dalam jangka masa tertentu sama ada pendek atau panjang adalah bergantung dengan adaptasi terhadap alam semula jadi oleh masyarakat Iban. Fungsi parang *Ilang* tidak hanya terhad kepada penggunaan dalam kegiatan harian, malah berupaya menjadi alat perlindungan dan pertahanan diri daripada ancaman pihak musuh. Tambahan pula, parang *Ilang* juga turut dijadikan sebagai manifestasi kepercayaan warisan dalam kehidupan seharian masyarakat Iban (Asri, 2024). Penciptaan parang *Ilang* adalah lumrah masyarakat Iban bagi meneruskan kelangsungan hidup mereka pada masa akan datang. Selain itu, ia membuktikan bahawa masyarakat Iban telah berjaya dan mempunyai kepandaian dalam memastikan kelangsungan hidup mereka yang bersifat survival. Ini kerana pada zaman

terdahulu lagi, masyarakat Iban sudah pandai menghasilkan barangan utiliti bagi sesuatu tujuan yang seterusnya disesuaikan di dalam norma-norma kehidupan mereka. Parang *Ilang* dalam masyarakat Iban memiliki nilai yang signifikan dalam kebudayaan yang dipraktikkan oleh mereka. Tambahan pula, masyarakat Iban meyakini bahawa parang *Ilang* adalah merupakan salah satu objek sakral yang berupaya untuk menyampaikan doa dan hajat mereka kepada kewujudan kuasa-kuasa luar biasa di alam ghaib. Masyarakat Iban juga percaya bahawa setiap benda yang wujud dalam kebudayaan nenek moyang mereka terdahulu adalah terhasil daripada arahan atau perintah alam ghaib melalui sumber mimpi. Setiap benda yang wujud itu dikatakan berupaya untuk membantu pemiliknya memperoleh kehidupan yang lebih terjamin seperti dikurniakan sumber kekayaan yang melimpah, kesejahteraan hidup, kesihatan yang baik, kebal dalam menghadapi ancaman pihak-pihak musuh, simbol status dan kekayaan serta dijauhi kuasa jahat (Asri, 2024).

Sorotan Literatur

Parang Ilang Iban

Menurut Asri dan Tugang (2020), parang *Ilang* adalah merupakan warisan ketara dalam budaya masyarakat Iban. Keunikan parang *Ilang* ditunjukkan melalui ciri-ciri kekuatan, kehebatan, maruah, seram dan mistifikasi yang dijelaskan melalui aspek fizikal dan bukan fizikal. Dahulunya, parang *Ilang* adalah senjata yang digunakan dalam tradisi memburu kepala oleh kumpulan pahlawan Iban di medan perang. Bagi pejuang mengikut kumpulan Iban, pemilikan parang *Ilang* adalah simbolik keberanian dan kecemerlangan mereka ketika bertarung dengan musuh mereka. Selepas tamatnya tradisi memburu kepala pihak musuh, kebanyakannya parang *Ilang* digunakan secara meluas untuk aktiviti harian oleh masyarakat Iban. Apabila masyarakat Iban mula memikirkan tentang seni dan nilai estetika yang ingin diserapkan ke arah parang *Ilang*, perlu diperhalusi dari aspek penciptaan dan perletakan motif hiasan yang mendasari budaya mereka. Selain itu, penerapan nilai-nilai seni dan estetika juga diterjemahkan kepada salah satu terapi jiwa dan minda sesebuah masyarakat. Tambahan pula, penerapan nilai-nilai seni dan estetika terhadap parang *Ilang* perlu dirancang dengan teliti supaya dalam seni dan rupa akan menggambarkan jiwa yang dapat dilihat berkomunikasi dengan budaya Iban. Melalui penerapan nilai seni dan estetika terhadap parang *Ilang*, ia bertujuan untuk menunjukkan falsafah masyarakat Iban kepada masyarakat yang berbeza. Selain itu, penerapan nilai-nilai seni dan estetika pada parang *Ilang* amat penting bagi memenuhi aspirasi masyarakat dan meningkatkan penghayatan nilai-nilai tersebut. Jadi, dapat disimpulkan bahawa seni dan masyarakat tidak boleh dipisahkan kerana ia merupakan salah satu terapi jiwa, rasa dan pemikiran minda masyarakat ke arah menjalani kehidupan mengikut arus perdana.

Masyarakat Iban mencipta parang *Ilang* untuk tujuan tertentu walaupun ia berasal dari masyarakat Dayak yang lain, seperti Kayan dan Kenyah. Parang *Ilang* dahulunya adalah merupakan senjata tradisional dalam masyarakat Iban, Kayan dan Kenyah yang digunakan pada pakaian dalam adat istiadat yang penting. Apabila parang *Ilang* dipegang ke bawah, ia berbentuk cembung di sebelah kanan dan cekung di permukaan kiri. Ia juga sedikit melengkung ke kiri, manakala bahagian tepi hampir lurus dan belakang cerun jauh beberapa inci. Lazimnya, bahagian belakang parang *Ilang* dihiasi dengan logam atau tembaga. Manakala, pada bahagian ulu parang *Ilang*,

ia dihiasi dengan rambut. Bagi masyarakat Iban, mereka tidak suka parang *Ilang* sebagai senjata atau peralatan kerana ia tidak boleh digunakan sekilas, seperti *Nyabur*. Berdasarkan kepada aspek fizikal parang *Ilang*, ia mempunyai perbezaan dari segi bentuk bilah dan juga bahagian hulu berbanding parang lain. Bagi istilah dalam masyarakat Melayu, parang adalah merupakan sejenis pisau besar. Manakala, bagi masyarakat Kenyah, pedang mereka digelar parang *Ilang* kerana memiliki bentuk sisi yang cembung dan satu sisi lagi cekung (Richard, 1981).

Pada zaman dahulu, pedang dan tombak adalah merupakan senjata yang penting bagi masyarakat Dayak sebelum wujudnya penggunaan senapang patah. Bagi masyarakat Iban, terdapat dua pedang utama, iaitu parang *Ilang* dan *Nyabur*. Berdasarkan kepada pandangan masyarakat Melayu, parang *Ilang* adalah merupakan senjata yang diklasifikasikan sebagai parang kebangsaan yang digunakan oleh masyarakat Dayak Laut di Sarawak. Jika dilihat pada sejarah parang *Ilang*, ia dihasilkan oleh masyarakat Kayan. Bagi mereka, ia adalah senjata utama yang digunakan dalam medan peperangan semasa era pemerintahan oleh golongan penjajah (A.H. Hill, G.C. Wolly, Hc Keith, 1998).

Dalam budaya masyarakat peribumi Sarawak, parang *Ilang* adalah merupakan senjata tradisional yang digunakan untuk memenggal kepala pihak musuh, malah sebagai salah satu budaya material yang masih dipertahankan sehingga kini. Berdasarkan kepada ekspedisi tradisi *Ngayau*, ia telah melahirkan satu kepercayaan bahawa parang *Ilang* yang digunakan untuk memenggal kepala dikatakan sangat bertuah. Manakala bagi pemilik parang *Ilang* pula, individu tersebut dianggap mempunyai kuasa sakral dan secara tidak langsung dapat meningkatkan status sosialnya. Pada awal abad ke-20, parang *Ilang* tidak lagi dianggap keramat atau mempunyai kuasa sakti. Kini, parang *Ilang* disimpan sebagai salah satu simbol keberanian dan kebudayaan masyarakat peribumi Sarawak serta digunakan dalam aktiviti pertanian. Pada zaman dahulu, masyarakat di Kepulauan Borneo menggunakan parang *Ilang* asli yang diperbuat daripada material batu gunung yang dilebur oleh tukang pencipta parang. Tambahan pula, objek tersebut dihias menggunakan material perak atau tembaga, ukiran dan bulu burung Enggang. Jika dilihat parang *Ilang* dalam masyarakat peribumi Sarawak boleh dikatakan memiliki kepentingan yang sama, seperti keris bagi masyarakat Melayu. Ini kerana perbezaan hanya dilihat daripada aspek rupa dan jiwa yang menggambarkan sesebuah identiti dan

ketamadunan sesebuah masyarakat. Walaupun tradisi memenggal kepala pihak musuh telah berakhir, namun parang *Ilang* masih menjadi simbol budaya yang penting bagi masyarakat peribumi di Sarawak. Tambahan pula, usaha terhadap melindungi seni warisan parang *Ilang* dalam masyarakat peribumi di Sarawak perlu dipergiatkan agar objek tersebut akan terus terpelihara dan diwarisi oleh generasi mereka. Ini kerana parang *Ilang* melambangkan simbol kebudayaan masyarakat peribumi (Paran, Utusan Sarawak, 2010).

Kewujudan parang *Ilang* sangat penting dalam budaya masyarakat Iban. Ini kerana objek tersebut adalah merupakan senjata tradisional yang melambangkan simbol kepahlawanan pahlawan Iban. Berdasarkan budaya masyarakat Iban, parang *Ilang* menjadi aksesori penting bagi penari lelaki dalam tarian *Ngajat* yang dipadankan dengan busana tradisional mereka, *Terabai* atau baju perisai. Pada zaman dahulu, parang *Ilang* adalah merupakan senjata yang digunakan untuk memenggal kepala pihak musuh di medan peperangan oleh golongan pahlawan Iban. Justeru itu, pahlawan Iban suatu ketika dulu sememangnya dikenali dengan semangat keberanian mereka menentang musuh. Malah, menjadi satu kewajipan setiap kali selepas bertempur untuk memenggal kepala pihak musuh mereka, iaitu melalui ekspedisi tradisi *Ngayau*. Kepala pihak musuh yang dipenggal oleh pahlawan Iban akan dibawa pulang ke rumah panjang mereka untuk diraikan. Ini kerana dalam ekspedisi tradisi *Ngayau*, jumlah kepala yang dipenggal adalah penentuan kepada keunggulan dan kepahlawanan bagi golongan pahlawan Iban. Dalam tradisi ekspedisi *Ngayau*, setelah kepala pihak musuh dipenggal, ia akan di bawa pulang sebagai simbol kejayaan, manakala bahagian anggota badan yang lain ditinggalkan. Justeru itu, nama parang *Ilang* dipercayai diperoleh selepas dipenggal, maka hilang kepala musuh (Yahya, Bhplus: 2015).

Selain itu, parang *Ilang* juga sebagai salah satu kebanggaan dan simbol dalam budaya masyarakat Iban. Parang *Ilang* merupakan senjata tradisional yang sangat terkenal dalam kalangan masyarakat Iban di Sarawak. Selain itu, ia juga merupakan salah satu budaya material yang masih dijaga sehingga kini secara bergenerasi serta dikatakan mempunyai jalan cerita tersendiri bagi pemilik objek tersebut. Bagi masyarakat Dayak di Sarawak, parang *Ilang* adalah merupakan senjata yang amat dihormati di samping senjata yang wajib dalam setiap keluarga etnik tersebut. Dalam ekspedisi tradisi *Ngayau* bagi masyarakat Dayak di Sarawak, parang *Ilang*

digunakan untuk memenggal kepala pihak musuh pada suatu ketika dahulu. Justeru itu, masyarakat Dayak di Sarawak sangat menghormati parang *Ilang* kerana ia melambangkan keberanian mereka terhadap pihak musuh di medan peperangan. Selain itu, terdapat juga parang *Ilang* yang diikat dengan rambut manusia yang telah dipenggal. Bagi golongan pahlawan, setiap helaian rambut tersebut adalah bertujuan menandakan jumlah bilangan kepala yang dipenggal dalam ekspedisi tradisi *Ngayau*. Dalam budaya masyarakat Dayak, parang *Ilang* mempunyai bahagian-bahagian tertentu. Struktur parang *Ilang* adalah merangkumi bahagian hulu, sarung dan bilah parang tersebut. Bagi bahagian hulu parang *Ilang*, ia diperbuat daripada material kayu yang berkualiti. Ini kerana untuk membentuk bahagian hulu parang *Ilang*, ia memerlukan kepada penggunaan material kayu yang berkualiti. Dalam budaya masyarakat Dayak, parang *Ilang* yang dihasilkan juga mempunyai ukiran dan hiasan tersendiri di bahagian hulu, iaitu menggambarkan keperibadian seseorang pemiliknya. Berdasarkan penciptaan parang *Ilang*, ia mempunyai ukuran antara 70 hingga 80 cm dengan bahagian hujung parang adalah agak runcing dan lebar di antara enam hingga tujuh sentimeter. Bahagian lebar pangkal pula antara tiga hingga empat sentimeter. Manakala, untuk bahagian belakang parang pula diperbuat daripada logam tembaga yang akan menyinar warna kuning keemasan. Justeru itu, parang *Ilang* diharap akan utuh dipegang oleh masyarakat Dayak di Sarawak kerana ia adalah senjata warisan yang mencerminkan jati diri anak Dayak. Pada zaman sekarang, parang *Ilang* dijadikan sebagai seni perhiasan. Walaupun parang *Ilang* sebagai senjata, ia juga digunakan sebagai alat kelengkapan dalam persembahan tarian, aksesori serta adat istiadat dalam kebudayaan masyarakat Iban. Pada bahagian mata parang *Ilang*, ia diperbuat daripada besi dan dibentuk serta dihias dengan ukiran dan lapisan tembaga. Pada bahagian hulunya diperbuat daripada material tanduk binatang, kayu gading atau tulang yang diukir. Sesetengah belakang parang *Ilang* juga diukir dan bahagian sarungnya diperbuat daripada material kepingan kayu diukir dan diikat dengan lilitan anyaman rotan. Pada zaman dahulu, parang *Ilang* adalah merupakan senjata tradisional bagi masyarakat Dayak di Kepulauan Borneo. Kebanyakan parang *Ilang* digunakan dalam selok belok adat istiadat di samping sebagai alat yang digunakan dalam kegiatan harian masyarakat Dayak. Selain itu, parang *Ilang* juga sering dikaitkan dengan sejarah pemburuan kepala musuh dan juga digunakan dalam adat istiadat dalam budaya masyarakat Dayak. Justeru itu, parang

Ilang adalah salah satu seni persenjataan yang mengerunkan (Anon, 2013).

Parang *Ilang* juga merupakan sejenis senjata yang berbentuk parang panjang yang digunakan oleh masyarakat Iban di Sarawak. Jika di daerah Kalimantan, parang *Ilang* dikenali sebagai *Mandau*. Parang *Ilang* dalam budaya masyarakat Iban hampir sama dengan keris bagi masyarakat Melayu. Pada zaman dahulu, setiap individu pahlawan Iban perlu memiliki parang *Ilang* untuk tujuan pemburuan kepala. Bagi aspek penciptaan pada struktur parang *Ilang*, bahagian hulunya diperbuat daripada material kayu yang diukir dengan motif Kenyalang, *Aso* dan beberapa motif yang lain. Manakala, bahagian gagangnya dilekatkan beberapa helaian rambut yang berwarna-warni. Pada bahagian mata parang *Ilang*, ada yang melengkung sedikit tetapi kebanyakannya lurus dan runcing. Bahagian belakang mata parang *Ilang* juga dibuat ukiran. Sarung parang *Ilang* diperbuat daripada material kayu dan diikat dengan rotan. Pahlawan Iban yang handal biasanya menghiasi sarung parang *Ilang* miliknya dengan rambut pihak musuhnya serta taring, gigi binatang yang ditewaskan (Ayob & Malek, 1995).

Parang *Ilang* sangat terkenal di Sarawak, lazimnya dalam budaya masyarakat Dayak, seperti Iban. Berdasarkan kepada penciptaan parang *Ilang*, bahagian matanya dibuat nipis kecil di pangkal dan semakin melebar di hujung. Manakala, pada bahagian belakang mata parang *Ilang*, ia dihias dengan ukiran tradisional mengikut kebudayaan dalam masyarakat Dayak. Bahagian hulu dan sarung parang *Ilang* diperbuat daripada material gading binatang yang diukir dengan motif serta dihias dengan bulu haiwan yang telah diwarnakan (Abdullah & Senik, 2007).

Selain itu, parang *Ilang* pada zaman dahulu digunakan dalam kegiatan *Head Hunting* atau pemburuan kepala pihak musuh. Tempoh bagi berkabung hanya dapat ditamatkan dalam ritual yang dilakukan oleh individu pahlawan yang menggunakan kepala manusia yang baru diperolehi atau dipenggal (Ngadi, 2001). Ini menyatakan bahawa kepala musuh yang dipenggal dan diperolehi oleh golongan pahlawan daripada kegiatan *Head Hunting* akan digunakan bagi menamatkan upacara berkabung. Tambahan pula, kepala manusia yang dipenggal oleh golongan pahlawan tersebut akan dijadikan sebagai *Antu Pala* atau tengkorak warisan yang digunakan bagi upacara berkabung serta simbol keberanian.

Dalam budaya masyarakat Iban, golongan pahlawan hanya membunuh golongan tertentu dalam

ekspedisi tradisi *Ngayau*. Ini kerana ia bertujuan bagi menentang pihak musuh yang memberi ancaman kepada mereka semasa meluaskan kawasan atau berpindah ke tempat yang lain. Dalam ekspedisi tradisi *Ngayau*, mereka tidak akan membunuh sembarangan pihak musuh. Mereka hanya memilih pihak musuh lelaki yang dewasa untuk dilawan atau dibunuh semasa bertempur. Manakala, bagi perempuan dan kanak-kanak pula akan dibawa pulang ke rumah panjang untuk dijadikan hamba. Tambahan pula, golongan pahlawan Iban tidak akan membunuh sembarangan pihak musuh. Pihak musuh yang ditawan semasa *Ngayau* jarang-jarang menerima layanan kurang baik daripada orang yang menawannya. Ini kerana mereka yang ditawan akan diterima menjadi ahli masyarakat Iban mengikut adat yang diberi nama *Gawai Betembang* atau upacara *Mengiru* hamba abdi. Bagi golongan pahlawan yang berjaya memperoleh kepala pihak musuh yang telah dibunuh dalam ekspedisi tradisi *Ngayau* dan membawanya pulang ke rumah panjang dianggap sebagai sesuatu yang luar biasa dan digelar sebagai *Bujang Berani*. Justeru itu, diri golongan pahlawan tersebut akan diangkat martabatnya serta status sosialnya yang tinggi dalam kalangan masyarakat Iban yang lain. Tambahan pula, dalam melakukan perayaan-perayaan besar serta ritual *Gawai*, maka golongan pahlawan tersebut berhak diberikan penghormatan tertinggi. Individu pahlawan tersebut juga akan dikagumi, dihormati dan disanjung oleh ahli masyarakat lain dan kenalannya. Semasa dalam ekspedisi tradisi *Ngayau*, kepala pihak musuh yang dibawa pulang ke rumah panjang akan diproses dan diawet menggunakan kaedah tradisional yang dipanggil salai. Proses menyalai kepala musuh akan mengalami tempoh masa yang lama. Bahagian tengkorak kepala musuh yang sudah kering disebut sebagai *Antu Pala* dan dianggap sebagai pusaka atau harta keluarga bagi golongan pahlawan tersebut. Berdasarkan kepada kepercayaan dalam budaya masyarakat Iban, *Antu Pala* dipercayai boleh membawa tuah, kekuatan dan kekayaan kepada pemilik dan penghuni rumah panjang. Lazimnya, *Antu Pala* digantung di atas bedilang di bahagian *Ruai* serta akan dipanaskan dengan api kecil yang dibuat di atas bedilang tersebut. Ini kerana dipercayai bahawa *Antu Pala* memerlukan kepanasan untuk bersemadi dengan tenang. Tambahan pula, *Antu Pala* juga akan diberi santapan makanan, minuman *ai tuak* dan akan diusapi dengan darah ayam untuk mententeramkan roh kepala itu (Tugang, 2009).

Berdasarkan kepada kajian lepas mengenai kajian parang *Ilang* dalam budaya masyarakat Iban di

Sarawak, masih terdapat lagi jurang-jurang kajian yang kurang dibuat penelitian. Ini kerana kebanyakan kajian-kajian lepas banyak memfokuskan kepada peranan dan estetika seni pada parang *Ilang* dalam budaya masyarakat Iban di Sarawak. Justeru itu, penyelidik mengambil pendekatan untuk mengisi kelompangan kajian yang masih wujud bagi melengkapkan kajian melalui topik fungsi dan signifikan parang *Ilang* dalam budaya masyarakat Iban di Sarawak.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang berbentuk etnografi yang memfokuskan kepada parang *Ilang* dalam kebudayaan material masyarakat Iban di Sarawak. Pengumpulan data bagi kajian ini adalah menggunakan kajian kerja lapangan yang merangkumi aspek pemerhatian dan temu bual. Penyelidik melakukan kajian kerja lapangan di kawasan rumah-rumah panjang masyarakat Iban di Bahagian Serian, Sri Aman, Sarikei dan Saratok yang telah dipilih sebagai lokasi kajian. Tempoh masa kajian kerja lapangan ini adalah dijalankan selama satu tahun, iaitu Januari hingga Disember 2023. Dalam kajian ini, penyelidik telah memilih kelompok-kelompok masyarakat Iban di lokasi tertentu adalah disebabkan kaedah Triangulasi Data yang digunakan semasa menemubual individu informan. Ini kerana semasa menemubual informan, lazimnya mereka ada juga memberikan cadangan lokasi untuk bertemu dengan informan yang berikutnya.

Bagi kaedah pemerhatian, penyelidik meninjau dan memerhati fungsi serta signifikan parang *Ilang* dalam budaya masyarakat Iban di Sarawak. Manakala, bagi kaedah temu bual, ia dijalankan secara temubual mendalam (*individual in-depth interview*). Pemilihan informan adalah berdasarkan kepada bidang kepakaran adat dalam budaya Iban. Pihak informan yang ditemubual adalah terdiri daripada *Lemambang* (pendeta) dan *Tuai Adat* Iban (ketua adat Iban), iaitu seramai lapan orang. Persampelan data adalah secara rawak, iaitu pemilihan informan adalah didasari kepada kaedah Triangulasi Data.

Menurut Asri (2016), pemilihan informan-informan tersebut adalah kerana mereka berperanan sebagai pengantara utama dalam komunikasi masyarakat Iban dengan kuasa-kuasa luar biasa dari

alam ghaib dan mengetuai setiap pelaksanaan adat, seperti upacara *Gawai* dan ritual *Miring*. Penyelidik menemubual seramai lapan individu informan yang pakar dalam selok belok adat dan kebudayaan Iban di Sarawak. Tambahan pula, pemilihan individu tersebut sebagai informan utama kajian ini adalah kerana mempunyai pengetahuan dan pengalaman terhadap menjelaskan fungsi dan signifikan secara terperinci tentang penciptaan parang *Ilang* dalam budaya masyarakat Iban di Sarawak.

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Berdasarkan kepada kajian ini, penyelidik merujuk kepada teori *Model Artifact Study: A Proposed Model oleh Fleming (1974)* dalam Pearce (2017). Dalam model ini, ia cukup komprehensif kerana mempunyai dua elemen, iaitu analisis secara menyeluruh tentang sifat objek dan menganalisis kedudukannya di dalam konteks kebudayaan sesebuah masyarakat. Selain itu, model ini juga merangkumi pemahaman objek daripada perspektif budaya pemerhati itu sendiri. Tambahan pula, model ini bertujuan bagi menjelaskan secara terperinci mengenai sesuatu objek budaya yang wujud di dalam sesebuah masyarakat. Fleming mengemukakan dua elemen utama, iaitu sifat objek yang didasari kepada lima asas utama yang merangkumi sejarah (*History*), material penciptaan (*Material*), teknologi penciptaan (*Construction*), reka bentuk (*Design*) dan fungsi (*Function*). Manakala, pengoperasian pula adalah merangkumi pengenalpastian (*Identification*), penilaian (*Evaluation*), analisis budaya (*Cultural Analysis*) dan interpretasi (*Interpretation*).

Penciptaan parang *Ilang* dalam budaya masyarakat Iban adalah bertujuan memenuhi keperluan jasmani dan kerohanian mereka. Ini kerana masyarakat Iban percaya bahawa penciptaan parang *Ilang* adalah merupakan suatu perjalanan kerohanian atau *spiritual journey* yang berkait rapat dengan kehidupan, kepercayaan warisan, kebudayaan dan amalan seharian mereka. Tambahan pula, fungsi dan signifikan penciptaan parang *Ilang* dalam masyarakat Iban juga dilihat sebagai penanda status sosial dan hierarki dalam masyarakat Iban di rumah panjang. Rajah 1 berikut adalah merupakan fungsi dan signifikan penciptaan parang *Ilang* dalam budaya masyarakat Iban:



Rajah 1. Fungsi dan signifikan penciptaan parang *Ilang* dalam budaya masyarakat Iban di Sarawak (Sumber: Adilawati Asri, 2023).

Keperluan dan Penyimpanan

Penciptaan parang *Ilang* adalah bagi memenuhi keperluan dalam kegiatan harian oleh masyarakat Iban. Ini kerana ia berkait rapat dengan kegiatan ekonomi tradisional yang dipraktikkan oleh mereka sejak zaman nenek moyang, seperti memungut hasil-hasil hutan, berkebun, menanam padi huma, memternak dan memburu binatang. Parang *Ilang* tidak boleh disimpan pada ruangan bahagian bawah. Ini kerana parang *Ilang* adalah merupakan salah satu budaya material dan senjata tajam yang digunakan dalam kegiatan harian masyarakat Iban. Memandangkan parang *Ilang* adalah merupakan salah satu objek senjata tajam yang boleh mendatangkan kecederaan dan kematian, maka perlu disimpan jauh daripada pandangan tertentu dan diletakkan pada aras tinggi agar tidak digunakan oleh sembarangan individu dalam kalangan masyarakat Iban itu sendiri. Berdasarkan kepada sesebuah keluarga masyarakat Iban di rumah panjang, mereka wajib dan disarankan agar menyimpan tiga objek utama, iaitu *Pua Kumbu*, parang *Ilang* dan *Tajau*. Ini kerana sekiranya mereka tidak menyimpan dan memiliki objek-objek tersebut, maka tidak selayaknya menjadi masyarakat Iban. Tambahan pula, semasa masyarakat Iban memulakan penghijrahan ke Sarawak, mereka membawa objek-objek tersebut. Kewujudan *Pua Kumbu*, parang *Ilang* dan *Tajau* adalah merupakan objek sakral dari aspek fungsi dan signifikannya dalam budaya masyarakat Iban. Ini kerana setiap objek tersebut, seperti parang *Ilang* mempunyai kesaktian dan jalan cerita yang

tersendiri dalam budaya masyarakat Iban. Tambahan pula, dalam setiap adat istiadat, ritual dan upacara kebudayaan masyarakat Iban, maka mereka akan mempamerkan objek-objek tersebut sebagai suatu set simbol, identiti diri dan sebagai pelengkap kepada aktiviti yang dijalankan tersebut. Ini kerana kuasa-kuasa luar biasa yang diseru tidak akan datang dan membantu masyarakat Iban sekiranya tidak mempamerkan *Pua Kumbu*, parang *Ilang* dalam Rajah 1 dan *Tajau* (tempayan). Sehubungan dengan itu, penyimpanan objek-objek tersebut amat penting bagi sesebuah keluarga dalam masyarakat Iban agar sentiasa terlindung dan memperoleh kerestuan, kekayaan dan dijauhi gangguan kuasa jahat.



Gambar 1. Parang *Ilang* sebagai salah satu keperluan penyimpanan dalam budaya masyarakat Iban di Sarawak (Sumber: Adilawati Asri, 2023).

Simbol, Status dan Harta Kekayaan

Dalam budaya masyarakat Iban, mereka sangat berpegang kuat kepada amalan kepercayaan warisan *Pengarap Lama* atau animisme yang diwarisi sejak zaman nenek moyang mereka. Bagi masyarakat Iban, mereka melakukan ritual pemujaan bagi menjaga keseimbangan hidup dan memperoleh kekayaan yang melimpah ruah. Dalam budaya masyarakat Iban, ritual dan simbol berperanan sebagai penanda diri atau identiti mereka sebagai manusia kepada kuasa-kuasa luar biasa. Tambahan pula, ia berperanan untuk menyampaikan makna tentang sesuatu perkara dalam kehidupan masyarakat Iban. Ritual dan simbol juga menjadi ruang berinteraksi oleh masyarakat Iban terhadap kewujudan kuasa-kuasa luar biasa. Ini kerana ia bertujuan untuk masyarakat Iban menjaga keseimbangan interaksi ke arah keharmonian dan kesejahteraan hidup. Dalam mewujudkan perhubungan yang seimbang, maka masyarakat Iban melakukan pemujaan dan menggunakan simbol

sebagai penanda hubungan yang baik antara mereka dengan kuasa-kuasa luar biasa. Selain itu, kegiatan pemujaan yang disertakan dengan set simbol adalah merupakan suatu gandingan mantap dan dianggap lengkap sebagai penanda penting dalam memohon sesuatu hajat atau menyelesaikan konflik atau drama sosial yang dihadapi oleh masyarakat Iban. Tambahan pula, kegiatan pemujaan terhadap kuasa-kuasa luar biasa juga menjadi berupaya menjadi simbol kepada identiti masyarakat Iban. Sehubungan dengan itu, pengamalan adat istiadat, ritual dan upacara dalam masyarakat Iban perlu disertakan dengan penggunaan set simbol, seperti *Pua Kumbu*, parang *Ilang* dan *Tajau*, malah menjadi pelengkap kepada tujuan asal dan memperoleh kebaikan daripada kuasa-kuasa luar biasa yang diseru. Penggunaan set simbol dalam kebudayaan masyarakat Iban adalah perkara penting terutama apabila melibatkan penyeruan dan pemujaan kuasa-kuasa luar biasa. Ini kerana simbol-simbol yang digunakan dalam adat istiadat, ritual dan upacara dikatakan saling berhubung antara satu sama lain yang masing-masingnya memiliki kecenderungan yang jelas dalam kehidupan masyarakat Iban. Selain itu, gerak-geri dan bentuk-bentuk perlakuan yang dipersembahkan sambil menggunakan set simbol dalam adat istiadat, ritual dan upacara mempunyai hubungan dengan konteks sosial dan budaya masyarakat Iban. Lazimnya, golongan pakar ritual akan mengetahui gerak-geri dan perlakuan tertentu yang bermula dengan penyediaan suatu set simbol yang istimewa dan sakral sebagai tanda pengenalan diri masyarakat Iban terhadap kuasa-kuasa luar biasa. Seterusnya, diikuti dengan bacaan mantera penyeruan dan gerak aksi simbolik sebagai bentuk penanda bahawa masyarakat Iban sedang berinteraksi dengan kuasa-kuasa luar biasa. Sehubungan dengan itu, masyarakat Iban berupaya memohon hajat dan membantu memperoleh keberkatan hidup yang lebih baik.

Kewujudan makna pada simbol, status dan harta kekayaan juga adalah merupakan sesuatu yang berkepentingan dalam hierarki sosial masyarakat Iban terdahulu. Ini kerana ia dilihat sebagai suatu perlambangan dan penanda dalam manifestasi kekayaan yang dimiliki, kemegahan, kekuatan dan keberanian masyarakat Iban. Selain itu, simbol yang menjadi petanda dan penanda dalam kebudayaan masyarakat Iban juga dapat dilihat melalui dua perkara, iaitu kemahiran dan pemilikan terhadap parang *Ilang*. Bagi informan John Anak Jimbun (2023), simbol atau perlambangan terhadap sesuatu kemegahan dapat dilihat melalui aspek kemahiran

yang dimiliki oleh seseorang individu dalam kalangan masyarakat Iban yang didasari kepada faktor gender. Dalam budaya masyarakat Iban, terdapat gelaran tertentu terhadap individu yang berjaya mencapai tahap adiguru bagi penciptaan parang *Ilang*. Tambahan pula, parang *Ilang* yang diciptakan oleh golongan-golongan yang berkemahiran dan berkepakaran ini dilihat sebagai sebuah pengkaryaan yang bersifat *Masterpiece* dan mempunyai nilai falsafah serta estetikanya yang tersendiri. Informan Datuk Sri Edmund Langgu (2023) juga menyatakan parang *Ilang* juga dijadikan sebagai penanda dan petanda status sosial dalam kalangan masyarakat Iban di kawasan penempatan rumah panjang mereka. Ini kerana bagi parang *Ilang* yang pernah digunakan dalam ekspedisi tradisi *Ngayau*, maka ia akan dijadikan sebagai harta pusaka yang hanya diperturunkan dalam kalangan pewaris yang layak sahaja. Masyarakat Iban percaya bahawa kebanyakan parang *Ilang* lama dikatakan memiliki kuasa kesaktian yang dapat membantu dalam melancarkan kehidupan seharian mereka. Tambahan pula, kuasa kesaktian yang terdapat pada parang *Ilang* juga boleh mendatangkan kemudaratan kepada pemiliknya jika tidak diberikan persembahan makanan. Sehubungan dengan itu, parang *Ilang* tersebut perlu diberi sajian persembahan makanan, iaitu *Piring* pada setiap tahun oleh individu yang menyimpan dan menjaga objek tersebut. Ia bertujuan untuk mengekalkan kekuatan, kesaktian, kekebalan serta kemujaraban yang terdapat pada parang *Ilang* agar memperoleh keberkatan perlindungan hidup daripada kuasa-kuasa luar biasa.

Simbol utama kemegahan masyarakat Iban adalah dilihat melalui pelaksanaan ekspedisi tradisi *Ngayau* di medan peperangan, iaitu golongan pahlawan berjaya membawa pulang banyak kepala pihak musuh yang telah dipenggal. Tambahan pula, simbol kemegahan juga sering dikaitkan dengan ekspedisi tradisi *Ngayau* atau pemburuan kepala manusia di medan peperangan. Dalam budaya masyarakat Iban, golongan pahlawan lelaki yang mencapai umur tertentu dan mempunyai parang *Ilang* akan melaksanakan ekspedisi tradisi *Ngayau*. Manakala, golongan anak gadis akan memberikan galakan kepada golongan lelaki muda untuk melakukan adat tersebut dan membawa pulang kepala pihak musuh yang telah dipenggal. Golongan pahlawan *Bujang Berani* yang berjaya membawa pulang kepala pihak musuh, maka akan dianugerahkan simbol keberanian, keunggulan, kekuatan, perolehan status dan harta kekayaan yang diperoleh melalui rampasan perang dan tebusan. Menurut cerita daripada informan Abang

Anak Entery (2023), setiap kepala pihak musuh yang diperolehi dari ekspedisi tradisi *Ngayau* oleh golongan *Bujang Berani* adalah diumpamakan sebuah trofi kemenangan yang berharga melebihi dari segala harta yang lain. Ini kerana beliau ada menyatakan bahawa perolehan *Antu Pala* adalah sangat penting dan berguna bagi golongan lelaki yang ingin berkahwin. Manakala, bagi informan Jimbun Anak Tawai (2023) yang menyatakan bahawa perolehan *Antu Pala* dalam budaya masyarakat Iban adalah sebagai suatu simbol dan perlambangan terhadap mengakhiri musim berkabung dalam menguruskan adat kematian yang berlaku di rumah panjang mereka. Berdasarkan kepada pelaksanaan ekspedisi tradisi *Ngayau* dalam budaya masyarakat Iban, ia adalah dikatakan ada kaitan dengan upacara *Gawai Kenyalang* sebagai simbol dan petanda sebelum memulakan pemburuan kepala pihak musuh oleh golongan *Bujang Berani*.

Bagi informan Abang Anak Entarey (2023), sumber lisan masyarakat Iban di Saribas menyatakan bahawa upacara *Gawai Kenyalang* adalah merupakan suatu upacara yang terbesar dalam kebudayaan masyarakat Iban secara keseluruhannya. Ini kerana dipercayai bahawa pelaksanaan upacara *Gawai* tersebut adalah penting dan dilihat sebagai suatu pesanan khas oleh kuasa-kuasa luar biasa melalui sumber mimpi kepada masyarakat Iban. Bagi mereka, setiap arahan atau pesanan oleh kuasa-kuasa luar biasa perlu dilaksanakan sebagai satu amanah bagi mengelakkan kemurkaan dan perkara-perkara yang tidak baik berlaku dalam kalangan penghuni-penghuni di rumah panjang tersebut. Jika diteliti tentang kosmologi masyarakat Iban, pelaksanaan upacara *Gawai Kenyalang* adalah merupakan upacara terbesar yang dilakukan oleh dewa dewi di *Panggau Libau* bagi meraikan dewa perang, iaitu *Sengalang Burung*. Bagi masyarakat Iban yang mendiami di alam *Mensia* atau alam manusia, *Sengalang Burung* dikenali sebagai burung Enggang atau dengan nama saintifiknya adalah *Rhinoceros Hornbill*, iaitu ‘Raja Segala Burung’. Dalam kebudayaan masyarakat Iban, terdapat tiga tujuan terpenting dalam melaksanakan upacara *Gawai Kenyalang*. Pertama adalah bagi meraikan dan memberkati perjalanan *Tuai Kayau* bersama pengikutnya sebelum melakukan perjalanan ekspedisi tradisi *Ngayau*. Perkara kedua, seseorang individu lazimnya bagi golongan pahlawan Iban yang dikehendaki oleh kuasa-kuasa luar biasa melalui sumber mimpi bagi melaksanakan upacara *Gawai Kenyalang*. Manakala, perkara ketiga adalah bertujuan meraikan hasil-hasil lumayan dari kegiatan pertanian, objek-objek sakral, seperti parang *Ilang* serta harta

yang diperolehi semasa melakukan kegiatan pengembaraan atau *Bejalai*. Dalam melaksanakan upacara *Gawai Kenyalang*, ia memerlukan kepada peruntukan yang besar, jangka masa yang lama, iaitu selama tujuh malam berturut-turut dan tenaga kerja yang tinggi. Berdasarkan kepada pelaksanaan upacara *Gawai Kenyalang* oleh informan Beji Anak Laga (2023), sebuah patung kenyalang akan diukir secara khusus oleh golongan tua yang berkemahiran dalam bidang seni pengukiran. Material kayu *Belian* digunakan bagi mengukir ukiran patung kenyalang sebagai suatu simbol dan perlambangan interpretasi terhadap mengagungkan dewa perang, iaitu *Sengalang Burung*. Selain mengukir seni motif burung kenyalang, diselitkan juga seni ukiran yang menyerupai figura manusia sebagai perlambangan terhadap golongan pahlawan Iban yang akan melakukan ekspedisi tradisi *Ngayau*.

Ritual Dan Upacara

Penggunaan parang *Ilang* dalam pengamalan ritual dan upacara adalah merupakan satu keperluan yang wajib dalam budaya masyarakat Iban. Ini kerana parang *Ilang* dilihat sebagai salah satu objek sakral yang berupaya menjadi medium perantaraan dan komunikasi masyarakat Iban dengan kuasa-kuasa luar biasa yang menghuni di alam ghaib. Tambahan pula, parang *Ilang* juga bukan sahaja membolehkan masyarakat Iban untuk berkomunikasi dengan alam ghaib malah memohon pertolongan, perlindungan dan kerestuan dalam menjalani kehidupan seharian. Berdasarkan kepada penceritaan oleh informan Lanting Anak Itar (2023), parang *Ilang* sebagai salah satu objek sakral yang berfungsi untuk perlambangan dan membuat ruangan masyarakat Iban menjadi suci dan seterusnya melengkapkan kepada pelaksanaan upacara dan ritual yang dilakukan oleh mereka. Bagi masyarakat Iban, mereka percaya bahawa parang *Ilang* berupaya untuk menangkap, memerangkap dan menjebak roh *Antu Pala* melalui bilahnya. Dalam setiap pelaksanaan ritual dan upacara di rumah panjang masyarakat Iban, parang *Ilang* akan menjadi salah satu simbol dan perlambangan sakral terhadap menjemput kuasa-kuasa luar biasa. Apabila masyarakat Iban melaksanakan ritual *Miring*, objek-objek sakral, seperti *Pua Kumbu*, parang *Ilang* dan *Tajau* (tempayan) akan dipamerkan bagi tujuan kesakralan, dianggap lengkap serta dikenali identiti mereka terhadap menyeru kewujudan kuasa-kuasa luar biasa. Tambahan pula, penggunaan objek-objek sakral, seperti parang *Ilang* dalam pelaksanaan ritual *Miring* sebagai tanda masyarakat Iban berkomunikasi

dengan kuasa-kuasa luar biasa bagi menzahirkan rasa kesyukuran terhadap segala kurniaan dan limpahan rezeki serta perlindungan yang diperolehi sepanjang masa.

Informan Liman Anak La'wo (2023) menyatakan bahawa semasa berlakunya kematian di rumah panjang, parang *Ilang* serta objek-objek sakral yang dimiliki oleh si pemati akan disertakan sebagai penanda dan pemilikannya semasa masih hidup. Ini kerana ia bertujuan untuk menghormati jasad si pemati dan meminta seluruh penghuni dalam rumah panjang agar menghormati kematiannya dan ahli keluarganya yang lain. Bagi informan Uma Anak Kujat (2021), dalam konteks kosmologi masyarakat Iban, penggunaan parang *Ilang* sebagai salah satu objek sakral dalam adat kematian masyarakat Iban adalah sebagai simbol dan perlambangan kepada pemisah di antara alam manusia dengan alam *Sebayan*. Ini kerana ia bertujuan untuk menghalang dan mengekang roh-roh daripada alam *Sebayan* yang berupaya membawa penyakit dan mendatangkan kemudaratan dalam kalangan masyarakat Iban yang mendiami di kawasan rumah panjang. Selain itu, dalam tradisi *Nyabak*, parang *Ilang* juga dijadikan sebagai berinjak kaki. Ini kerana dipercayai sebagai suatu petanda kepada tukang *Sabak* agar tidak *Alah Ayu* atau lemah semangat. Besi yang ditempa untuk menjadi bilah parang *Ilang* dikatakan akan memberikan semangat yang teguh, kuat dan keras sama seperti sifat besi secara semula jadinya. Bagi memasuki alam *Sebayan*, maka ia memerlukan golongan pakar ritual untuk berpaut pada sesuatu yang keras, seperti besi. Lazimnya, keluarga si pemati akan memberikan parang *Ilang* dengan seekor ayam sebagai *enselan* kepada tukang *Sabak* bagi menenangkan dan mententeramkan roh alam *Sebayan*. Dalam budaya masyarakat Iban, apabila berlakunya kematian dalam kalangan penghuni-penghuni di rumah panjang, maka dipercayai roh alam *Sebayan* akan berkeliaran di sekitar halaman kediaman. Ini kerana bagi menyambut kegembiraan roh baru yang akan memasuki dan akan membawanya mendiami di alam *Sebayan*.

Perlindungan dan Pengubatan

Informan Kendawang Anak Ambit (2021) menyatakan bahawa masyarakat Iban mempunyai cara yang tersendiri dalam membangunkan sistem perlindungan dan pengubatan mereka melalui pengkaedahan secara tradisional. Konsep-konsep ini sangat dipercayai dan telah dipraktikkan secara

bergenerasi oleh masyarakat Iban di Sarawak. Parang *Ilang* yang dicipta oleh masyarakat Iban adalah sejenis objek yang berupa parang panjang yang dihiasi dengan seni ukiran kayu. Parang *Ilang* ini digunakan oleh masyarakat Iban terhadap mempertahankan diri, keluarga dan kelompok penghuni di sesebuah penempatan rumah panjang yang didiami mereka. Penggunaan parang *Ilang* digunakan secara meluas oleh masyarakat Iban khususnya golongan pahlawan masyarakat Iban terhadap melaksanakan ekspedisi tradisi *Ngayau* dan semasa Perang Dunia Kedua. Berdasarkan kepada bidang pengubatan tradisional oleh masyarakat Iban, terdapat beberapa objek tertentu, seperti parang *Ilang* yang digunakan dalam merawat dan mengubati serta bagi melaksanakan ritual pengubatan. Jika dilihat pada sejarah parang *Ilang*, ia adalah merupakan peralatan perang oleh golongan *Bujang Berani* yang digunakan bagi memerangi pihak musuh. Namun begitu, ia juga berfungsi dalam pengubatan tradisional masyarakat Iban. Selain itu, masyarakat Iban percaya bahawa penyakit-penyakit tertentu, seperti terkena kayap (*Herpes Zoster*) boleh diubati dan disembuhkan melalui parang *Ilang*. Ini kerana ia merujuk kepada parang *Ilang* yang berjaya memenggal kepala pihak musuh oleh golongan *Bujang Berani* semasa melakukan ekspedisi tradisi *Ngayau*. Tambahan pula, air *sepuhan* daripada bilah parang *Ilang* tersebut digunakan sebagai ubat yang mujarab bagi menyembuhkan penyakit kayap.

Berdasarkan kepada kebudayaan masyarakat Iban, *Lupong Manang* adalah merupakan tempat penyimpanan *pengaroh* atau azimat, seperti parang *Ilang*. Ia digunakan oleh golongan pakar pengubatan, seperti dukun, bomoh atau *Manang* dalam mengubati pesakitnya. Lazimnya, masyarakat Iban yang mempunyai *pengaroh* atau azimat masih mengekalkan tradisi penyimpanannya secara tradisional dan tidak menghebohkan kepada umum tentang perkara tersebut. Ini kerana masyarakat Iban percaya bahawa golongan individu yang memiliki *pengaroh* atau azimat kecuali *Manang* dan *Lemambang*, maka adalah bukan seseorang individu yang baik. Pada zaman dahulu, masyarakat Iban menyimpan *pengaroh* atau azimat sebagai perlindungan diri dan keluarga daripada ditimpa malapetaka serta berupaya membantu dalam memperolehi harta benda terhadap meneruskan kehidupan seharian. Selain itu, bagi golongan lelaki Iban yang belum berkahwin, maka mereka menyimpan *pengaroh* atau azimat sebagai pemikat gadis di samping menjadikan lebih kebal semasa melaksanakan ekspedisi tradisi *Ngayau*.

Manakala, bagi golongan perempuan pula, mereka menyimpan *pengaruh* atau azimat bagi tujuan pemanis diri dan aura diri. Lazimnya, masyarakat Iban memperoleh *pengaruh* atau azimat melalui dua cara, iaitu melalui pelaksanaan adat *Bejalai* atau menggembara ke tempat-tempat lain ataupun dianugerahkan oleh kuasa-kuasa luar biasa daripada alam ghaib menerusi alam mimpi.

Genselan

Berdasarkan kepada kebudayaan masyarakat Iban, makna *Genselan* membawa kepada dua perkara yang berbeza, iaitu bayaran denda atau bayaran upah. Wujudnya idea *Genselan* dalam budaya masyarakat Iban sepertimana yang ditrangkan oleh informan Kendawang Anak Ambit (2023) adalah bertujuan bagi menjaga hubungan dan keseimbangan, keharmonian, kedamaian, ketenteraman dan tanggungjawab di antara masyarakat Iban dengan masyarakat Iban, masyarakat Iban dengan alam semula jadi serta masyarakat Iban dengan kuasa-kuasa luar biasa. Sehubungan dengan itu, *Genselan* perlu dibayar dengan menggunakan objek-objek tertentu, sama harga dan nilai, seperti seni *Ilang* yang dimiliki oleh masyarakat Iban. Ia perlulah disesuaikan dengan kadar jumlah yang telah dipersetujui dan disepakati oleh semua masyarakat Iban di sesebuah penempatan rumah panjang. Manakala, bagi aspek kadar bayaran upah dalam budaya masyarakat Iban, ia adalah ditentukan melalui tahap kemahiran dan kepakaran seseorang individu yang sesuai dengan adat istiadat yang dilaksanakan dan diwarisi secara bergenerasi. Manakala, bagi informan Lanting Anak Itar (2023) pula, konsep *Genselan* dalam budaya masyarakat Iban adalah merujuk kepada kadar bayaran denda yang dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu *Tusun Tunggu* atau hukum denda adat dan *Ngampun* atau adat memohon ampun kepada kuasa-kuasa luar biasa daripada alam ghaib. Pengamalan *Tusun Tunggu* atau hukum denda adat dalam sistem sosial masyarakat Iban adalah merupakan dendaan yang dikenakan terhadap individu yang melanggar adat istiadat di penempatan rumah panjang yang didiaminya. Kadar bayaran hukum denda adat adalah dizahirkan melalui pemberian objek-objek tertentu, seperti parang *Ilang* yang didasari kepada jumlah yang perlu dibayar. Walau bagaimanapun, adat *Tusun Tunggu* atau hukum denda adat masih dipraktikkan sehingga ke hari ini di rumah panjang sebagai tanda menghormati dan bertoleransi dalam kalangan masyarakat Iban di sesebuah penempatan. Manakala, bagi *Genselan* terhadap mempelajari sesuatu kemahiran dengan

individu yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang tinggi yang dilihat sebagai proses transaksi ilmu dalam bentuk kearifan tradisi, seperti ilmu pakar ritual *Lemambang*, *Manang* dan *Tuai Beburung*, tukang *Nyabak* dan *Tuai Piring*. Berdasarkan kepada adat kematian dalam kebudayaan masyarakat Iban, parang *Ilang* digunakan oleh golongan pakar ritual, seperti tukang *Nyabak* sebagai *Genselan*, iaitu individu wanita yang diupah untuk menangis oleh keluarga si pemat. Ini kerana ia bertujuan untuk sebagai *Pengering Semangat* atau kuasa perlindungan kepada tukang *Nyabak* semasa beliau melaksanakan upacara *Nyabak*. Masyarakat Iban berpendapat bahawa semangat individu yang melaksanakan upacara tersebut dikatakan mempunyai roh yang kuat dan keras sama seperti besi dan tidak mudah lentur dengan gangguan roh-roh jahat. Bagi seseorang individu yang ingin mempelajari ilmu *Nyabak* atau meratapi orang mati dan menjadi tukang *Nyabak*, maka perlu memberikan parang *Ilang* sebagai *Genselan* bagi tujuan yang sama, iaitu menguatkan aspek kerohanian, semangat dan tubuhnya.

Berdasarkan sistem perundangan adat tradisional masyarakat Iban, terdapat sebuah adat yang diberi nama sebagai adat *Tunggu*. Ia adalah merupakan sebuah denda dan *Genselan* kepada penghuni-penghuni di rumah panjang yang sama ada ketidaksengajaan atau disengajakan dalam melakukan kesalahan-kesalahan tertentu. Lazimnya, kadar bayaran tersebut akan dilangsaikan melalui penggunaan objek-objek berharga dan sakral, seperti parang *Ilang*. Bagi adat masyarakat Iban, parang *Ilang* dalam adat *Tunggu* adalah merupakan objek atau material budaya yang digunakan bagi melangsaikan bayaran denda. Misalnya, telah mendatangkan kecederaan kepada penghuni yang lain di rumah panjang, berlaku pelanggaran adat dan pantang larang yang telah ditetapkan. Sehubungan dengan itu, *Tuai Rumah* akan melakukan adat *Tunggu* dengan mengenakan bayaran denda yang merujuk kepada sistem undang-undang yang telah ditetapkan dan disepakati oleh semua penghuni rumah panjang tersebut. Dalam kebudayaan masyarakat Iban, sistem adat *Tunggu* ini merupakan satu pengamalan undang-undang adat tradisional yang masih dipraktikkan di rumah panjang mereka sehingga ke hari ini. Ini kerana ia bertujuan untuk memastikan keadilan, kedamaian, ketenangan, kehormatan serta keseimbangan antara hubungan masyarakat Iban dengan masyarakat Iban, masyarakat Iban dengan alam semula jadi serta masyarakat Iban dengan kuasa-kuasa luar biasa. Informan Jimbun Anak Tawai (2023) menyatakan

bahawa pelaksanaan adat *Tunggu* dalam kebudayaan masyarakat Iban dapat memastikan individu yang telah melakukan kesalahan di rumah panjang akan dikenakan adat *Tunggu* yang ditentukan oleh *Tuai Rumah* tersebut. Tujuan pelaksanaan adat *Tunggu* di rumah panjang masyarakat Iban adalah untuk menjaga keharmonian dan kesejahteraan dalam kalangan semua penghuninya di samping memberi pengajaran dan peringatan agar tidak mengulangi kesalahan itu lagi. Selain itu, bayaran denda itu juga sebagai *Genselan* terhadap menjaga keseimbangan dalam kosmologi masyarakat Iban dengan kewujudan kuasa-kuasa luar biasa. Ini kerana dalam amalan kepercayaan warisan masyarakat Iban, mereka perlu menyeimbangkan dunia mereka agar memperoleh kesejahteraan dan ketenteraman, iaitu keseimbangan hubungan yang berbentuk jasmani dan rohani.

Baya


Berdasarkan kepada kebudayaan masyarakat Iban, *Baya* adalah merujuk kepada harta dan bekalan yang akan dibawa oleh mereka apabila telah meninggal dunia dan seterusnya menuju ke alam *Sebayan*. Dalam amalan kepercayaan masyarakat Iban, kehidupan di alam *Sebayan* atau alam akhirat adalah dikatakan mempunyai persamaan dengan konsep kehidupan di alam dunia nyata yang didiami oleh mereka sewaktu hidup. Ini kerana mereka memiliki rumah untuk tempat tinggal, dapat berhubung dan bertemu semula dengan nenek moyang terdahulu, menggunakan bahasa Iban sebagai bahasa pertuturan dan hidup sepertimana kehidupan di dunia nyata. Sehubungan dengan itu, apabila terdapat individu dalam kalangan masyarakat Iban meninggal dunia, maka akan dibekalkan dengan beberapa harta penting yang lazimnya merujuk kepada objek-objek tertentu, seperti parang *Ilang* yang pernah dimiliki oleh si pemati. Sekiranya individu yang meninggal dunia adalah golongan pahlawan *Bujang Berani* semasa melaksanakan ekspedisi tradisi *Ngayau*, maka parang *Ilang* miliknya harus dibekalkan untuk dibawa ke dunia *Sebayan*. Begitu juga dengan golongan yang mahir dan berkepakaran terhadap mencipta parang *Ilang*, iaitu akan dibekalkan parang *Ilang* yang disanjungnya untuk dibawa ke alam kehidupan yang seterusnya. Menurut pengalaman informan Lanting Anak Itar (2023), dikatakan bahawa roh individu dalam kalangan masyarakat Iban yang telah meninggal dunia akan terus menghantui dan meminta keluarganya dalam mimpi sekiranya barang-barang dan keperluan miliknya tidak dipenuhi dan disertakan sekali semasa penghantaran jasad mendiang ke

kawasan perkuburan untuk disemadikan. Namun begitu, sekiranya masih terdapat barang-barang milik individu yang telah meninggal dunia, akan tetapi tidak sengaja tertinggal atau keterlupaan, maka ahli keluarganya perlu membakar barang-barang tersebut agar roh individu yang sudah meninggal dunia akan tenang dan tidak akan kembali menghantui ahli keluarganya yang masih hidup di alam dunia nyata.

Dalam budaya masyarakat Iban, terdapat beberapa objek yang dijadikan *Baya* kepada si pemati, seperti parang *Ilang* serta barang-barang bersifat peribadi yang pernah digunakan oleh individu tersebut semasa jangka hayatnya di dunia nyata. Bagi informan Beji Anak Laga (2023), *Baya* bagi individu yang telah meninggal dunia adalah merupakan perkara yang sangat *Taboo* dalam amalan kepercayaan masyarakat Iban. Ini kerana masyarakat Iban percaya bahawa sekiranya terdapat harta peninggalan individu yang telah meninggal dunia dan ianya tidak disertakan sekali bersama-sama dengan jasadnya semasa upacara pengebumian, maka dikatakan rohnyanya berupaya mengganggu dan meminta kepada ahli keluarga yang masih hidup melalui jelmaan mimpi atau jelmaan nyata. Tambahan pula, sekiranya individu yang meninggal dunia itu dan pada masa jangka hayatnya di dunia nyata sedang mencipta parang *Ilang*, maka tidak digalakkan untuk ahli keluarganya untuk menyambung kerja-kerja tersebut. Ini kerana masyarakat Iban percaya bahawa jika terdapat individu yang menyambung kerja-kerja si pemati tersebut dalam penciptaan parang *Ilang* untuk disiapkan sepenuhnya, maka dikatakan bahawa penciptanya akan terus meninggal dunia. Sehubungan dengan itu, untuk mengelakkan perkara tersebut berlaku, maka generasi pewaris dalam kalangan keluarga masyarakat Iban perlu menyimpan parang *Ilang* yang pernah digunakan oleh individu yang sedang nazak sebelum menghembuskan nafas terakhir dan meninggal dunia. Dalam kebudayaan masyarakat Iban, tidak semua objek boleh dijadikan sebagai *Baya* bagi ahli keluarga mereka yang telah meninggal dunia. Ini kerana sekiranya objek-objek mudah pecah seperti kaca dan cermin tidak digalakkan untuk disisipkan dan dibawa bersama dengan individu yang telah meninggal dunia. Namun begitu, jika ia sangat diperlukan, maka ia diharuskan melalui dengan memecahkannya terlebih dahulu dan kemudiannya barulah dapat disimpan sebagai harta di alam *Sebayan*. Ini kerana informan Abang Anak Entarey (2023) menjelaskan bahawa cermin adalah merupakan sebuah objek yang berupaya memantulkan refleksi kehidupan masyarakat Iban. Sehubungan dengan itu,

sekiranya cermin tersebut tidak dipecahkan terlebih dahulu, maka dikatakan bahawa *Antu* yang wujud di alam *Sebayan* boleh meninjau segala kegiatan harian dan cara hidup masyarakat Iban di rumah panjang. Tambah beliau lagi, situasi tersebut adalah sangat tidak baik bagi mengekalkan keharmonian dan ketenteraman kehidupan masyarakat Iban semasa berada di alam nyata. Ini kerana pada zaman dahulu lagi sehingga sekarang, masyarakat Iban dan *Antu* tidak boleh hidup bersama-sama seperti yang diceritakan oleh nenek moyang dalam tradisi lisan mereka.

Proses Peralihan Fungsi Dan Signifikan Parang *Ilang* Dalam Budaya Masyarakat Iban



Rajah 2: Proses peralihan fungsi dan signifikan parang *Ilang* dalam budaya masyarakat Iban (Adilawati Asri, 2023).

Berdasarkan kepada Rajah 2, berlakunya proses peralihan fungsi dan signifikan parang *Ilang* dalam budaya masyarakat Iban adalah disebabkan oleh peredaran masa dan zaman terhadap memenuhi keperluan semasa mereka. Tambahan pula, fasa pengembangannya dimanifestasikan secara beransur-ansur dalam melambangkan tingkat keupayaan dan tahap intelektual masyarakat Iban yang didasari kepada pengaruh alam semula jadi yang wujud di kawasan lingkungan dan persekitaran yang menjadi habitat mereka. Masyarakat Iban terdahulu mula mencipta parang *Ilang* melalui penggunaan material batu dan tulang binatang yang terdapat di kawasan lingkungan dan persekitaran mereka. Teknologi penciptaan parang *Ilang* yang dipraktikkan oleh masyarakat Iban terdahulu adalah bersifat ringkas, agak kasar dan mempunyai keupayaan fungsi yang terhad ketika zaman tersebut. Semenjak daripada zaman dahulu sehingga kini, modifikasi terhadap fungsi dan signifikan penciptaan parang *Ilang* dalam budaya masyarakat Iban terus berkembang maju seiring dengan transisi zaman. Tambahan pula, perkembangan fungsi dan signifikan parang *Ilang*

banyak dipengaruhi oleh pelbagai faktor, seperti cara hidup yang bersifat survival, pengalaman, tuntutan hidup sama ada untuk rohani dan jasmani serta dalam kegiatan seharian oleh kelompok masyarakat Iban.

Konsep penciptaan parang *Ilang* dalam budaya masyarakat Iban adalah bermula daripada sifatnya yang ringkas dan seterusnya berevolusi menjadi kompleks yang didasari kepada perkembangan dan kemajuan tamadun dari perspektif rohani dan jasmani mereka. Tambahan pula, fungsi dan signifikan penciptaan parang *Ilang* oleh masyarakat Iban juga turut berubah mengikut kepada keperluan dan kesesuaian zaman yang dilalui mereka. Selain itu, dari semasa ke semasa, teknologi penciptaan dan penambahbaikan terhadap parang *Ilang* akan terus berkembang dengan lebih maju dan menarik dari perspektif fungsi dan signifikannya sebagai material budaya dalam masyarakat Iban. Masyarakat Iban terawal memulakan inovasi penciptaan parang *Ilang* dengan menggunakan bahan-bahan daripada alam semula jadi, seperti alatan repehan batu, tulang binatang yang terdapat di sekitar mereka dan seterusnya berkembang menggunakan material logam, tembaga, perak dan besi.

Penciptaan parang *Ilang* dalam budaya masyarakat Iban memiliki ciri-ciri tertentu seperti kepelbagaian gunaan dan tidak terhad dalam satu fungsi sahaja. Ini kerana menurut informan John Anak Jimbun (2023), penciptaan parang *Ilang* adalah unik dan sangat menarik di samping fungsinya dalam melayani kehidupan masyarakat Iban serta dapat digunakan dalam pelbagai perkara. Pada zaman dahulu, parang *Ilang* adalah merupakan sebuah peralatan penting yang digunakan dalam kegiatan harian masyarakat Iban di samping sebagai alat perlindungan mereka. Namun begitu, parang *Ilang* juga berfungsi sebagai kraf perhiasan, objek sakral dalam ritual dan upacara dalam kebudayaan masyarakat Iban. Tambahan pula, parang *Ilang* tidak hanya berfungsi sebagai objek atau logistik perang, malah boleh digunakan oleh masyarakat Iban dalam melakukan aktiviti perkebunan, penanaman padi huma, alat bantuan dalam mengumpulkan hasil-hasil hutan serta kerja-kerja memotong kayu api bagi tujuan memasak. Parang *Ilang* yang dicipta oleh masyarakat Iban sangat berkecenderungan dengan elemen-elemen mistik dan sakral. Dalam budaya masyarakat Iban, penciptaan parang *Ilang* memerlukan kepada tujuan-tujuan yang tertentu yang didasari kepada keperluan, amalan kepercayaan warisan serta kosmologi mereka. Ini kerana masyarakat Iban percaya bahawa pemilikan terhadap parang *Ilang* yang wujud di dalam kehidupan

mereka adalah merupakan suatu anugerah daripada kuasa-kuasa luar biasa dan telah diamalkan sejak zaman dahulu lagi.

Parang *Ilang* yang dicipta pada zaman dahulu oleh masyarakat Iban, ia adalah sekadar memenuhi keperluan harian secara asas seperti menebang, menetak, menebas, memotong, memburu, bertani dan menangkap ikan. Apabila masyarakat Iban membuka minda mengenai kewujudan kuasa pencipta yang sangat besar dan bersifat ghaib, maka melalui idea dan kerangka pemikiran, mereka menggabungkan unsur logik dan mistik terhadap menjadikan parang *Ilang* kepada klasifikasi tertentu, iaitu sama ada dalam bentuk sakral atau bukan sakral.

Dapat diperhatikan bahawa dalam proses penciptaan parang *Ilang*, masyarakat Iban melakukan ritual *Miring* di mana mereka menyediakan dan memberi persembahan dalam bentuk sajian makanan khas atau *Piring* kepada kuasa-kuasa luar biasa. Amalan kepercayaan warisan ini telah menjadikan parang *Ilang* menjadi lebih sakral, mempunyai kesaktian tersendiri dan aura keghaibannya. Tambahan pula, ia juga mempunyai konsep idea yang jelas dengan tujuan hidup masyarakat Iban dan senantiasa hidup dalam pengamalan budaya mereka.

Berdasarkan kepada elemen-elemen sakral pada parang *Ilang* masyarakat Iban, ia dapat dilihat melalui aspek fungsi dan simbol. Bagi aspek simbol pada parang *Ilang*, ia dapat digolongkan sebagai perlambangan dalam amalan ritual dan upacara di samping amalan kepercayaan warisan masyarakat Iban di rumah panjang mereka. Manakala, aspek fungsi pula merujuk keupayaan parang *Ilang* dalam membantu dan menghindari masyarakat Iban daripada terkena dengan malapetaka buruk seperti wabak penyakit berjangkit, musibah buruk, pengaruh roh jahat serta keselamatan mereka selagi memiliki objek tersebut yang bertindak sebagai pelindung dan penjaga. Manakala, bagi elemen bukan sakral pada parang *Ilang*, lazimnya ia berfungsi sebagai kraf perhiasan atau produk kraftangan serta sebagai peralatan pertanian oleh masyarakat Iban itu sendiri.



Rajah 3. Parang *Ilang* yang hampir berusia ratusan tahun yang disimpan sebagai pusaka Iban (Sumber: Koleksi parang *Ilang* milik informan Datuk Sri Edmmund Langgu, 2023).

Selain itu, informan John Anak Jimbun (2023) turut menyatakan bahawa pemilikan parang *Ilang* sepertimana dalam Rajah 3 juga mempunyai pantang larang yang tertentu dalam mengekalkan kesakralannya serta kesaktiannya melalui pemberian *Piring*, iaitu merujuk kepada sajian makanan yang khas pada setiap tahun. Tambahan pula, masyarakat Iban perlu mematuhi etika-etika penjagaan parang *Ilang* sepertimana yang telah dipraktikkan oleh nenek moyang mereka pada zaman dahulu. Dalam budaya masyarakat Iban, dipercayai bahawa penciptaan parang *Ilang* dan pemilikannya adalah seperti mereka selaku manusia yang mempunyai nyawa, jantina dan perasaan yang perlu dijaga dan dikawal seperti makhluk yang hidup.

Parang *Ilang* dalam masyarakat Iban juga adalah merupakan suatu warisan dan pusaka yang diwarisi secara bergenerasi di dalam kehdiupan mereka. Bagi informan Datuk Sri Edmmund Langgu (2023), warisan dalam masyarakat Iban adalah merujuk kepada kebudayaan yang dikongsi secara bersama-sama oleh mereka. Ini kerana warisan adalah dilihat sebagai pemilikan bersama yang berupaya menjadi identiti budaya masyarakat Iban secara bergenerasi. Manakala, pusaka pula adalah menjurus kepada pemilikan tunggal atau merujuk kepada seseorang individu. Ia membawa maksud bahawa parang *Ilang* yang dimiliki adalah mahal, berketurunan *Bujang Berani* dan diperolehi daripada pembelian serta pertukaran hasil sesuatu perdagangan yang dijalankan. Ini kerana parang *Ilang* tersebut hanya diwarisi dalam keturunannya sahaja dan ia adalah bersifat peribadi.

Ciri-ciri penciptaan parang *Ilang* yang berikutnya adalah merujuk kepada ikon dan identiti dalam budaya masyarakat Iban. Parang *Ilang* yang dicipta oleh masyarakat Iban adalah dilihat sebagai ikon budaya dan mempunyai lambang identitinya yang tersendiri. Ini kerana masyarakat Iban mempunyai kecenderungan untuk memberikan gelaran tertentu kepada pencipta parang *Ilang*. Masyarakat Iban merasakan bahawa parang *Ilang* yang dibuat oleh seseorang individu adalah sesuatu yang hebat dan menawan. Pemberian sesuatu gelaran adalah dilihat sebagai kata puji-pujian kepada pencipta parang *Ilang*. Bagi masyarakat Iban, pemberian gelaran *Tukang Kambuh* atau pandai besi kepada pencipta parang *Ilang* adalah sesuatu yang penting dan berharga atas dasar usaha yang dilakukan secara bersungguh-sungguh dan ketekunannya. Tujuan masyarakat Iban memberikan gelaran *Tukang Kambuh* atau pandai besi terhadap individu yang mencipta parang *Ilang* adalah sebagai tanda penghargaan di samping melambangkan tahap keupayaan dan kemahiran yang dimilikinya. Tambahan pula, ia juga dapat membezakan identiti pengkaryaan bagi pencipta parang *Ilang* dengan orang lain serta merangsang keazaman untuk membuatnya dengan lebih berkualiti tinggi.

Masyarakat Iban yang wujud pada hari ini mempunyai ilmu kemahiran hidup yang tersendiri yang berkembang sehingga terciptanya parang *Ilang* yang akan dilestarikan sebagai warisan terpenting oleh generasi yang berikutnya. Ini kerana transisi zaman dan arus globalisasi telah menyebabkan kehidupan masyarakat Iban telah berubah seiring dengannya. Dalam melestarikan fungsi dan signifikan parang *Ilang* dalam budaya masyarakat Iban, maka perlulah difahami terlebih dahulu mengenai ilmu kemahiran hidup sebelum dilakukan kelestarian. Setelah memahami ilmu kemahiran hidup, maka barulah kelestarian dilakukan pada parang *Ilang*. Dalam melestarikan parang *Ilang* sebagai salah satu warisan ketara, maka masyarakat Iban perlu menitikberatkan beberapa aspek penting agar objek tersebut masih utuh memperlihatkan kekuatannya di dalam kebudayaan mereka. Tambahan pula, memandangkan parang *Ilang* adalah merupakan salah satu materia budaya yang bersifat mistik dan suci dalam budaya masyarakat Iban, maka secara tidak langsungnya, mereka telah melakukan kelestarian secara tidak sedar. Ini kerana hampir saban tahun, masyarakat Iban akan persembahkan melalui ‘pemberian makanan’ atau sajian *Piring* kepada seni parang *Ilang* sebagai simbol penjagaan dan menguruskannya dengan baik. Sehubungan dengan itu, ia memperlihatkan

kefahaman masyarakat Iban tentang melestarikan fungsi dan signifikan parang *Ilang* dalam budaya mereka.

Kesimpulan

Kesimpulannya, penciptaan parang *Ilang* adalah sesuatu bentuk naratif tentang perihal kegiatan kebudayaan dalam material budaya oleh masyarakat Iban melalui aspek kemahiran, pengetahuan serta, pengalaman mereka. Tambahan pula, ia dipengaruhi oleh ruang lingkup serta nilai kehidupan masyarakat Iban seperti cara hidup, kebudayaan, amalan kepercayaan, perlindungan diri, berkomunikasi dan kesenian yang dimiliki mereka. Selain itu, penciptaan parang *Ilang* memperlihatkan suatu tingkat keupayaan dan pengetahuan yang dimiliki oleh masyarakat Iban terhadap melegasikan nilai-nilai tradisi untuk dilestarikan dalam kehidupan mereka. Ini kerana masyarakat Iban telah mewujudkan fungsi dan signifikan pada parang *Ilang* sebagai penentuan tingkat keupayaan dan daya penggerak keintelektualan masyarakat Iban dalam memastikan kesinambungan hidup mereka. Sehubungan dengan itu, fungsi dan signifikan parang *Ilang* dalam budaya masyarakat Iban perlu dilestarikan agar ia terus terpelihara dalam generasi mereka pada masa akan datang.

Rujukan

- Abdullah, M. Z., & Senik, M. S. (2007). *Senjata warisan*. Dewan Bahasa dan Pustaka dan Muzium Selangor.
- Anon. (2013). *Senjata Sarawak*. Dicapai daripada <http://informasikraf.com/2013/02/senjata-sarawak-tradisional-weapons-of.html>.
- Asri, A. (2016). Pelaksanaan ritual miring dalam budaya dan masyarakat Iban (Unpublished Master's Thesis). Universiti Malaysia Sarawak.
- Asri, A. (2024). Kearifan tradisi seni parang *Ilang* dalam budaya masyarakat Iban di Sarawak (Unpublished). [Doctor of Philosophy's Thesis]. Universiti Malaysia Sarawak.
- Asri, A., & Tugang, N. (2020) Parang *Ilang* sebagai interpretasi falsafah *alam takambang jadi guru* dalam masyarakat Iban. *Journal of Asian People (APJ)* 3(1), 1-18.
- Ayob, Y., & Malek, R. (1995). *Kraftangan dan senibina tradisional*. Penerbit Prisma.
- Fleming, E.M. (1974). *Artifact Study: A Proposed*

Model. *Winterthur Portfolio* 9, 153-173.

Hill, A. H., Wolly, G. C. & Keith, H. C. (1998) *The keris and other Malay weapons*. Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.

Ngadi, G., H., (2001). *Upacara peralihan taraf orang Iban dan beberapa ritual yang berkaitan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Paran, R. (2010, Mac 16). *Warisan seni parang hilang*. Dicapai daripada <http://www.utusan.com.my>.

Pearce, S. (2017). *Museums, Objects, And Collections: A Cultural Study*. Smithsonian Institution.

Richards, (1981). *Background of Iban*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ngadi, G., H., (1989). *The Iban rites of passage and some related ritual acts: A description of form and function*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tugang, N. (2009), *Tenunan kain pua dalam budaya Iban di Sarawak*. Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Yahya, H. (2015, 18 Oktober). *Parang hilang, simbol kegagahan pahlawan Iban*. Dicapai daripada <http://www.bharian.com.my/amp/bhplu-old/2015/10/89732/parang-ilang-simbol-kegagahan-pahlawan-iban>.

Informan

Datuk Sri Edmmund Langgu (Pakar Adat Iban)

Abang Anak Entery (*Lemambang* atau Pendeta Adat Iban)

Beji Anak Laga (*Tuai Rumah* (Ketua Rumah), *Tuai Burong* (Ketua Pentafsir Petanda Iban), *Tuai Adat* (Ketua Adat Iban) dan *Lemambang* (Pendeta Iban)

Lanting Anak Itar (*Tuai Adat* (Ketua Adat Iban), *Tuai Burong* (Ketua Pentafsir Petanda Iban) dan *Lemambang* (Pendeta Iban)

Kendawang Anak Ambit (*Tuai Rumah* (Ketua Rumah) dan *Tuai Burong* (Ketua Pentafsir Petanda Iban)

Limam Anak La'wo (*Tuai Adat* (Ketua Adat Iban)

Uma Anak Kujat (*Tuai Beburong* (Ketua Pentafsir Petanda Iban)

John Anak Jimbun (*Tukang Kambuh Parang Ilang* atau Pencipta Parang Ilang Iban)